

26 NOV 2001

WHO-Cadang

MALAYSIA HARUS TUMPU PADA PROGRAM PENCEGAHAN AIDS

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Malaysia harus memberi tumpuan penuh kepada program pencegahan AIDS dengan mensasarkan golongan pekerja seks dan pengguna dadah, kata pegawai Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) hari ini.

Wakil WHO di Malaysia, Singapura dan Brunei, Dr U.H Susantha De Silva, berkata usaha itu perlu ditumpukan kepada golongan sasar berkenaan dan bukannya populasi umum dengan mengadakan ujian HIV.

"Mereka harus beri tumpuan kepada pekerja seks dan pengguna dadah. Kami dapati di Kemboja, umpamanya, penggunaan kondom secara meluas dapat mengurangkan kes itu," katanya pada taklimat khas mengenai "Ujian Bukan Pencegahan" anjuran Majlis AIDS Malaysia di sini, hari ini.

Anggota lain dalam panel taklimat itu ialah dari Majlis AIDS Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia dan Pertubuhan Bantuan Wanita.

Mengulas mengenai arahan kerajaan negeri Johor supaya mewajibkan ujian HIV bagi pasangan yang ingin berkahwin di negeri itu, Dr De Silva berkata ujian sedemikian tanpa kebenaran individu bukan kerana kepentingan kesihatan awam.

Dr De Silva berkata ujian wajib HIV akan menimbulkan stigma dan diskriminasi yang menyebabkan individu menyembunyikan diri apabila enggan menjalani ujian itu.

Beliau berkata usaha Cuba dan Mongolia untuk melaksanakan ujian seperti itu akhirnya dibatalkan selepas pertimbangan meluas dilakukan.

"Johor akan menjadi negeri pertama di rantau Asia Pasifik yang melaksanakan arahan sedemikian," katanya.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir berkata beliau akan mencadangkan supaya pencegahan AIDS dimasukkan dalam kursus praperkahwinan kerana ujian tidak akan menghalang sindrom itu daripada merebak.

"Kami akan mengedar kad-kad kepada penduduk di sana (Johor) yang mengandungi nombor hotline kami bagi membolehkan mereka mendapatkan maklumat lanjut mengenai HIV," katanya.

Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan dari 1986 hingga Jun 2001, terdapat 40,877 kes HIV manakala dari Januari hingga Jun 2001 terdapat 2,537 kes.

-- BERNAMA

AT AHH NAK